

Pelantikan ahli lembaga baharu



DEKAN Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSL), Dr. Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (kiri). Manakala gambar atas, Dr. Hajah Masnooraini semasa menyampaikan sijil pelantikan.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 November. - Seramai 23 orang Ahli Lembaga Baharu 'The Non-Political' dan Badan Bukan Berasaskan Keuntungan, Asian Law Students' Association (ALSA) Brunei Darussalam dilantik untuk Penggal 2020 / 2021, manakala 36 anggota pelajar Syariah and Law (Shalaw) juga dilantik dalam acara yang sama. Acara pelantikan tersebut

diadakan di Auditorium Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di mana satu-satunya universiti di negara ini yang mewakili The National Chapter of ALSA Brunei Darussalam dan Shalaw Student's Society.

Acara tersebut turut meraikan Ahli Lembaga ALSA bagi Penggal 2019 / 2020 yang menamatkan tempoh pelantikan mereka. Presiden ALSA yang baru

dilantik, Awangku Muhd. Syair Aminy bin Pengiran Shahrel Annuar dan Presiden Shalaw Student's Society yang baharu, Muhammad Hassanul Hadi Ikram bin Haji Dayang masing-masing memberikan ucapan semasa pelantikan mereka itu.

Selain itu, ucapan juga diberikan oleh mantan presiden yang lalu, Nor Amirah Aziyah binti Hasdy dan Muhammad Nurazam bin Muhammad Azlan.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut ialah Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSL), Dr. Hajah

Masnooraini binti Haji Mohiddin yang seterusnya menyampaikan sijil pelantikan dan penghargaan kepada ahli kumpulan berkenaan.

Juga hadir, Timbalan Dekan FSL, Dr. Hajah Hanan binti Pehin Dato Haji Abdul Aziz dan kakitangan Akademik FSL.

The National Chapter of ALSA Brunei Darussalam bergabung dengan ALSA bermula pada tahun 2010 dengan salah satu objektifnya adalah untuk mendorong peningkatan, khususnya kemampuan pelajar jurusan undang-undang untuk menjadikan

mereka berfikiran antarabangsa, bertanggungjawab secara sosial, memberikan komitmen tinggi dalam akademik dan berkemahiran daripada segi undang-undang.

Manakala Shalaw Students' Society pula ditubuhkan pada tahun 2016 oleh pelajar-pelajar UNISSA. Persatuan tersebut terdiri daripada enam unit, iaitu Unit Perhubungan Awam, Unit Akademik, Unit Da'wah dan Tarbiyah, Unit Sosial dan Kebajikan, Unit Publisiti dan Media serta Unit Logistik dan Rekreasi.



SALAH seorang peserta menerima hadiah semasa menyertai aktiviti yang diadakan.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 November. - Pelbagai aktiviti yang dikendalikan oleh Unit Bruneiana, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada Program Bandarku Ceria, di ibu negara pagi ini menjadi platform dalam menarik minat orang ramai dari semua peringkat umur untuk mempelajari Bahasa Melayu Brunei dan hal ehwal semasa di negara ini.

Atendan Perpustakaan DBP, Nur Syamsina binti Samsuddin berkata, aktiviti berkenaan menggalakkan orang ramai untuk

melibatkan diri dalam aktiviti perpustakaan, di samping membantu mengembangkan minda serta memberikan pendedahan mengenai apa jua koleksi yang terdapat di Unit Bruneiana.

Tambahnya, kebanyakan kanak-kanak dan muda-mudi tidak begitu mengenali bahasa-bahasa puak jati yang terdapat di negara ini.

"Oleh itu, kami cuba untuk memperkenalkan dan memupuk minat mereka bagi mempelajarinya melalui

Unit Bruneiana menjadi tumpuan



UNIT Bruneiana, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ketika mengadakan aktiviti pada Program Bandarku Ceria, di ibu negara.

aktiviti-aktiviti menarik yang disediakan," ujarnya kepada Pelita Brunei.

Beliau menjelaskan, pendekatan ini turut bertujuan untuk memeriahkan lagi Program Bandarku Ceria, selain mengeratkan hubungan kekeluargaan dan menggalakkan

aktiviti membaca dalam kalangan masyarakat.

Antara aktiviti yang diadakan termasuk Mewarna, Matematika, Teka Silang Kata, Mencari Benda Tersembunyi, Uji Minda dan Cuba Nasib.

Aktiviti dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu Kategori

'A' : peserta berumur 3 hingga 8 tahun; Kategori 'B' : 9 hingga 12 tahun; serta Muda-Mudi dan Dewasa.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai aktiviti dan koleksi yang terdapat di Unit Bruneiana, orang ramai boleh melayari laman Instagram : @Bruneianadbp.